



SIARAN MEDIA JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI DAPUR DIGITAL WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2025

Program Dapur Digital bukan sekadar inisiatif teknologi, ia adalah gerakan ekonomi berasaskan komuniti. Ia membuka ruang dan peluang kepada golongan B40 dan miskin bandar terutamanya ibu tunggal, belia serta suri rumah yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam (PPR/PA) untuk menjana pendapatan melalui kemahiran memasak, berpaksikan teknologi dan sokongan platform e-dagang. Sepanjang pelaksanaan lima (5) Dapur Digital perintis pada tahun 2024, rekod telah mencatatkan hasil yang amat memberangsangkan malah setakat penghujung Mei 2025, jumlah jualan keseluruhan yang berjaya dicatatkan oleh kelima-lima Dapur Digital ini telah pun **melebihi RM1.08 juta (RM1,088,285.78)**. Ini bukan sekadar retorik, ini adalah bukti nyata bahawa rakyat Malaysia, apabila diberi peluang, mampu menjana ekonomi mereka sendiri secara berdikari dan mampan.

Atas kejayaan luar biasa ini, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada Oktober lalu, telah mengumumkan peruntukan tambahan untuk memperluaskan inisiatif ini dengan membina 25 lagi Dapur Digital di seluruh negara termasuk 10 Dapur Digital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadikan jumlah sedia ada sebanyak 15 Dapur Digital yang beroperasi. Ini satu lonjakan besar ke arah pendigitalan yang bersifat inklusif dan berfokus rakyat. Bermula tahun ini juga, Dapur Digital bukan hanya sekadar berfungsi sebagai dapur komuniti, tetapi juga menjadi pusat pemprosesan makanan, ruang perniagaan e-dagang dan juga ruang aktiviti komuniti.

Dengan sokongan dari Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui pelan tindakan Program Usaha Jaya Insan (PUJI), yang bertujuan untuk menamatkan kemiskinan tegar di Wilayah Persekutuan, inisiatif Dapur Digital ini telah menjadi salah satu komponen penting dalam merealisasikan iltizam tersebut. Pelan tindakan PUJI berpaksikan wadah dan nilai MADANI yang memerlukan penggembleran usaha semua pihak dan kerjasama semua rakan strategik Jabatan. Berpandukan pendekatan keseluruhan negara atau *whole of nation approach*, agensi kerajaan, sektor korporat, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin tempatan bersama-sama mendokong pelaksanaan gagasan Malaysia MADANI dan pelan tindakan PUJI sebagai sebuah harapan bersama.

Selain dari sokongan melalui Kementerian dan agensi kerajaan, kerjasama dari beberapa pihak swasta juga telah berjaya dimeterai antaranya:

- (i) Maxis – Program eUsahawan;
- (ii) Brahim's – Pembekalan sos dan pes di bawah jenama Brahim's;
- (iii) Media Prima – Penjenamaan dan hebahan berkaitan Program Dapur Digital;
- (iv) PPB Group – Pembekalan peralatan bakeri bertaraf industri kepada Dapur Digital Setapak Jaya sebagai hab produk kuih dan roti; dan
- (v) Shopee, Tik Tok dan Grab Malaysia – Pelaksanaan latihan dan kempen kesedaran medium pemasaran digital oleh syarikat penyedia/pengendali e-dagang atau *e-commerce platform*.

Diharapkan inisiatif Dapur Digital ini akan terus menjadi penggerak dan pemangkin kepada pembangunan komuniti setempat, bukan sahaja dari sudut peningkatan taraf ekonomi isi rumah, malah turut memperkukuh penguasaan kemahiran digital serta keusahawanan dalam kalangan komuniti di PPR/PA seperti wanita, ibu tunggal, belia dan pelbagai lapisan masyarakat. Dengan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, ia diyakini mampu melahirkan lebih ramai usahawan mikro berdaya saing yang bersedia untuk menyertai ekonomi digital, sekali gus menyumbang kepada ekosistem pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif, progresif dan mampan di Wilayah Persekutuan.

